

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting Sijil Hutang Islam Boleh Niaga anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 KETAHUI SIJIL HUTANG ISLAM BOLEH NIAGA

Sijil Hutang Islam Boleh Niaga merupakan sijil yang mewakili peletakan sejumlah wang yang didepositkan dengan Bank dan perlu dibayar kepada pemegang sijil pada tarikh akan datang yang ditetapkan pada nilai nominal/pokok Sijil Hutang Islam Boleh Niaga. Jumlah prinsipal dijamin jika pelaburan dipegang sehingga matang. Produk ini **TIDAK dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)** disebabkan oleh ciri-cirinya yang boleh dirunding.

Sijil Hutang Islam Boleh Niaga ditawarkan sama ada berdasarkan konsep Syariah Tawarruq atau Bai' `Inah. Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jualan dan belian. Yang pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara bertangguh. Selepas itu, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta. Pelanggan juga berhak untuk mengambil milikan dan penghantaran Komoditi yang dibeli, dengan syarat semua kos dan perbelanjaan berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan. Sehubungan itu, Pelanggan akan menerima komoditi daripada Pembekal Komoditi dan tiada peletakan NIDC akan dibuat dengan pihak Bank.

Bai' `Inah merujuk kepada aturan yang melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara bertangguh dan seterusnya pembelian aset tersebut pada harga tunai lebih rendah daripada harga jualan tertangguh atau sebaliknya, dan yang mematuhi keperluan khusus Bai' `Inah.

Ciri-Ciri Produk		
Tempoh	Minimum: 1 bulan Maksimum: 5 tahun	
Jumlah Deposit	Jumlah minima ialah RM5,000,000-00 dan jumlah maksima ialah jumlah yang boleh diterima oleh pihak Bank.	
Terbitan	Pada nilai setara atau diskaun atau kos tambah.	
Margin keuntungan	Akan ditentukan (% per setahun)	
Kekerapan Pembayaran Keuntungan	Tempoh Sijil Hutang Islam Boleh Niaga	Kekerapan Pembayaran Keuntungan
	Sehingga 1 tahun	Keuntungan dibayar pada tarikh matang
	1 tahun ke atas sehingga 5 tahun	Setiap suku tahunan/Setiap setengah tahun/Pada tarikh matang
Pengiraan hasil keuntungan	Jumlah peletakan x kadar keuntungan (%) x tempoh/365 hari	

Anda hendaklah membaca dan memahami terma dan syarat produk ini.



Jika anda mengeluarkan wang anda sebelum tarikh matang, anda mungkin kehilangan sebahagian daripada jumlah deposit asal anda.



Kami berhak untuk menamatkan atau menebus NIDC sebelum tarikh matang. Jumlah nominal bagi bahagian yang ditamatkan atau ditebus akan dipulangkan kepada anda bersama-sama dengan sebarang keuntungan terakru.

2 KETAHUI KOS ANDA

Fi dan Caj

NIL

Nota Penting:

Adalah penting untuk menghubungi pihak Bank sekiranya berlaku perubahan maklumat untuk dihubungi untuk memastikan surat menyurat dieterima tepat pada masanya. Sila kunjungi cawangan kami untuk mengemaskini maklumat anda

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Sijil Hutang Islam Boleh Niaga, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
[Sijil Hutang Islam Boleh Niaga](#)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

3 KETAHUI RISIKO ANDA

RISIKO		FAEDAH
Apa yang akan berlaku sekiranya anda gagal memenuhi tanggungjawab anda?		Bagaimanakah saya menebus NIDC selepas matang?
Jenis Risiko	Penerangan	Apabila Sijil Hutang Islam Boleh Niaga (Negotiable Islamic Debt Certificate, NIDC) mencapai tarikh matang, pemegang dikehendaki mengemukakan sijil yang telah matang tersebut kepada Bank untuk tujuan penebusan. Setelah sijil tersebut dikemukakan, Bank akan membayar kepada pemegang jumlah prinsipal berserta keuntungan (jika berkenaan), tertakluk kepada terma dan syarat NIDC.
Risiko Pasaran	Merujuk kepada potensi kesan pergerakan harga (misalnya kadar keuntungan, kadar pertukaran matawang asing atau harga ekuiti, jika berkenaan) terhadap nilai ekonomi sesuatu aset.	
Risiko Kredit dan Kecairan	Merujuk kepada potensi kerugian yang timbul daripada ketidakupayaan Bank untuk memenuhi kewajipannya selaras dengan terma dan syarat yang dipersetujui.	
Peringatan: Anda hendaklah memahami dan mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan.		Peringatan: Prestasi lalu bukanlah petunjuk prestasi masa hadapan.

4 TERMA UTAMA LAIN

Terma & Syarat	
Perkara	Penerangan
Pengeluaran Awal	Sebarang pengeluaran NIDC sebelum tarikh matang akan dibuat pada harga yang akan diumumkan oleh penerbit dan mungkin mengakibatkan kerugian sebahagian daripada jumlah deposit.
Penebusan Sijil Hutang Islam Boleh Niaga oleh Bank	Ia boleh ditebus pada kadar pasaran semasa.

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai produk ini, sila rujuk risalah produk yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web kami di www.muamalat.com.my.

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:

Tarikh:

AMARAN:

JUMLAH POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR HANYA PADA TARIKH MATANG. SEKIRANYA PRODUK INI DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM TARIKH MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA JUMLAH DEPOSIT ASAL. PULANGAN BAGI PRODUK INI ADALAH TIDAK PASTI DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEH SEBARANG PULANGAN. PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.